



Bagusnya kalau kita dapat melancong dengan belon udara panas ke seluruh dunia!

Ayuh. Saya ada kejutan menunggu di luar.



Oh, ini luar biasa!



Mengapa awak membawa banyak sangat benda?

Ini semua keperluan harian saya!



Maksud awak, awak belum siap lagi?

Ini yang terakhir...



Bagus, awak sudah bersedia akhirnya. Jom teruskan!



NAIK TINGGI!
TINGGI LAGI!



Mengapa kita tidak berlepas? Adakah awak lupa melepaskan tali?

Sudah tentu tidak.



Hmm..., betul kata awak. Tali sudah terbuka.



Grrr... jangan tanya saya mengapa? Tolong turunkan barang awak sekarang juga!

Oh ya, barang saya memang berat...



Perihal småles

BERITA BUG

Musim Panas 2021

LITE



Issue No. 02/2021

MCI(P) 072/07/2021

© Inter IKEA Systems B.V 2021



Kandungan

- | | | | |
|----|--|----|--|
| 03 | Kata-kata aluan daripada Sara | 16 | Masa hadapan Pengangkutan |
| 04 | Mod pengangkutan purba | 18 | Pencemaran udara |
| 06 | Rekaan pengangkutan pertama | 19 | Apa yang adik-adik boleh lakukan untuk memperbaiki kualiti udara yang kita hirup |
| 09 | Seni & kraftangan DIY Musim Panas | 20 | Peti masuk@smales |
| 10 | 10 jenis pengangkutan yang unik di seluruh dunia | 23 | Mari mewarna |
| 12 | Cari perbezaan | 24 | Komik |
| 14 | Ke mana perginya kereta lama? | | |

Hai smāles!

Bayu hangat terasa di kulit, cahaya matahari menyilaukan mata, ambil dan pakai cermin mata bentuk hati adik-adik kerana Musim Panas sudah tiba! Kini ramai yang suka melancong dengan kapal terbang, kereta api dan kapal laut tetapi adakah adik-adik tertanya-tanya bagaimana mereka mengembara beberapa abad yang lalu? Sertailah kami untuk perjalanan yang menarik bermula dari halaman 4.

Tahukah adik-adik bahawa tingkah laku kembara boleh membawa kesan persekitaran seperti pencemaran udara di planet kita? Lihat halaman 19 untuk mengetahui apa yang boleh kita bantu.

Kami harap adik-adik dapat mempelajari perkara-perkara yang menarik, dan melalui Musim Panas yang menyeronokkan dan menyegarkan ini!

Dengan Pelukan Big Bug,
Sara

Perahu mensiang

Seperti namanya, perahu ini dengan dengan hujung runcingnya yang istimewa diperbuat daripada berkas-berkas mensiang yang diikat bersama-sama. Ia biasa digunakan di Mesir Purba sekitar 7,000 SM tetapi di beberapa negara seperti Peru, perahu mensiang masih lagi digunakan.



Kereta kuda

Kereta kuda dicipta seawal 3000 SM. Badan kereta itu mempunyai dua roda dan ditarik oleh seekor atau dua kuda. Ia ada kapasiti untuk muat sehingga dua orang pada satu-satu masa.




Kereta luncur anjing

Bukti arkeologi yang wujud dari 1,000 TM mendedahkan bahawa orang Inuit yang mencipta kereta luncur anjing dan kemudian banyak digunakan di benua tersebut. Ketika itu, ia bermula dengan hanya satu anjing menarik keseluruhan kereta luncur!

Kenderaan gajah

4000 tahun yang lalu, gajah telah dilatih untuk tujuan domestik dan pengangkutan dan pada hari ini, ia memainkan peranan besar dalam pelancongan Negara Thai.

Sumber-sumber:
http://www.iro.umontreal.ca/~vaucher/History/Prehistoric_Craft/
https://en.wikipedia.org/wiki/Reed_boat
<https://www.horsejournals.com/life-horses/carriage-ride-through-history>
<https://www.reuters.com/article/us-asia-elephants-factbox-1-idUSHO45368920071224>
<https://www.guinnessworldrecords.com/world-records/first-domestication-of-elephants>
<https://www.elephantsforever.co.za/elephant-domestication.html>
https://global.hurtigruten.com/destinations/norway/inspiration/attractions/history-of-dog-sledding/?_ga=2.170474408.901412619.1614246774-327563968.1614246774



Rekaan pengangkutan pertama

Kapal Selam Pertama

Pada tahun 1620, Cornelis Drebbel, seorang Jurutera Belanda, mencipta kapal selam pertama yang boleh tenggelam sedalam 15 kaki selama 3 jam di Sungai Thames.



Roket Pertama

Pada tahun 1957, Sputnik 2 merupakan roket pertama yang dilancarkan di samping membawa seekor anjing bersama-sama yang bernama Laika.



Belon Udara Pertama

Pada tahun 1783, Montgolfier bersaudara bereksperimen dengan belon udara panas pertama di ruang udara Versailles, Perancis. Malah mereka sekali lagi membuat demonstrasi penerbangan itu di hadapan Raja Louis XVI.



Kereta api Peluru Pertama


Pada tahun 1964, kereta api peluru atau Shinkansen diperkenalkan dengan kelajuan 210 km/j. Hari ini, adik-adik boleh pergi dari Tokyo ke Osaka dalam masa 2 jam dan 30 minit.



Sumber-sumber:
<https://newatlas.com/cornelis-drebbel-built-three-submarine-in-the-1620s-they-all-worked/3715/>
http://www.bbc.co.uk/history/historic_figures/drebbel_cornelis.shtml
<http://en.chateauversailles.fr/discover/history/key-dates/first-hot-air-balloon-flight>
<https://www.nasa.gov/feature/60-years-ago-the-first-animal-in-orbit>
<https://economictimes.indiatimes.com/industry/transportation/railways/everything-you-wanted-to-know-about-bullet-trains/when-was-the-first-high-speed-network-built/slideshow/60731139.cms>
<https://www.jrailpass.com/blog/shinkansen-bullet-train-history>



Lukis laluan yang tepat mengikut corak.



Seni lukis & pertukangan tangan DIY musim panas

Kereta Belon Kuasa Angin

-Bantuan ibu bapa diperlukan-
Sebelum mula membina kereta belon, adik-adik akan memerlukan pertolongan ibu bapa untuk menggunakan gunting dan mencucuk lubang di tengah setiap penutup botol.


Bahan-bahan:

- 1 kadbod 3 x 6 inci
- Gunting (Perlu ada pengawasan orang dewasa bagi penggunaan alat)
- 2 lidi kayu 4 inci
- 2 penyedut minuman 3 inci dan 1 penyedut minuman bersaiz biasa
- 1 belon
- Pita
- 4 penutup botol plastik


Sumber: <https://www.wikihow.com/Make-a-Balloon-Car>

Cara-cara:


1. Lepak penyedut minuman pada tepi kadbod. Pastikan penyedut minuman lurus dan selari dengan hujung kadbod.



2. Luncurkan lidi ke dalam penyedut minuman. Adik-adik seharusnya ada kira-kira 1/2 inci terjulur dari setiap hujung.




3. Pasangkan roda pada lidi. Gelongsorkan roda di hujung lidi. Pastikan bahawa ia tidak tersentuh kadbod, atau jika tidak, ia akan tersekat.




4. Masukkan penyedut minuman ke dalam belon dan lekatkannya pada tempatnya. Gelongsorkan penyedut minuman ke dalam belon sebanyak 2 inci (5.08 sentimeter). Balut sedikit pita dalam bentuk lingkaran yang ketat di sekeliling hujung belon.



5. Lekatkan penyedut minuman pada bahagian atas kereta adik-adik.



6. Tiup sedikit udara ke dalam belon melalui penyedut minuman. Jepit penyedut minuman sehingga tertutup agar udara tidak dapat terlepas keluar. Tempatkan kereta itu di atas permukaan yang rata. Lepaskan penyedut minuman dan lihat kereta meluncur!



10 Jenis pengangkutan yang unik di seluruh dunia

Terdapat banyak kaedah pengangkutan unik di seluruh dunia. Kami telah memilih 10 jenis pengangkutan yang unik di dunia. Mari kita lihat sama ada adik-adik pernah menaiki salah satu daripadanya!

Teksi Coco di Havana, Cuba

Teksi kuning berbentuk seperti kelapa berongga ini dapat dilihat di Havana dan di Varadero. Ia lebih cepat dan lebih murah berbanding dengan teksi biasa. Penduduk tempatan menggunakan teksi hitam, sementara yang kuning digunakan oleh pelancong.



Toboggan di Madeiran, Portugal

Toboggan mulanya berasal pada awal abad ke-19 sebagai cara untuk menuruni bukit dari Monte ke Funchal dengan pantas dan menyeronokkan. Kini digunakan sebagai pengangkutan untuk pelancong.



Keretapi Buluh di Battambang, Kemboja

Kereta api buluh Kemboja (dikenali sebagai nori) diperbuat daripada penjana elektrik dan platform buluh sementara sebagai tempat duduk. Ia bergerak di sepanjang landasan kereta api dengan kelajuan sehingga 40 km/j.



Maglev di Shanghai, China

Kelajuan kereta api ini sebenarnya telah melebihi 500 km/j semasa dalam pengujian. Ia boleh menempuh perjalanan sejauh 19 batu dalam 7 minit!



Tuk-tuk, Thailand

Tuk-tuk atau 'sam lor' (roda tiga) biasa digunakan sebagai kaedah bersiar-siar mengelilingi Bangkok sebelum diambil alih oleh tren dan teksi berwarna-warni.



Kereta luncur Rusa di Lapland, Finland

Kereta luncur rusa ialah bentuk pengangkutan tertua di utara, dan bahagian kuno budaya Sami.



Gondola di Venice, Itali

Ia ialah perahu gondola dengan ukiran kayu tradisional yang dianggap sebagai satu kemestian di Venice.



Felucca di Sungai Nil dan Laut Merah, Mesir

Felucca ialah perahu layar kayu tradisional yang digunakan di Sungai Nil dan Laut Merah di Mesir. Layar tiga seginya menggerakkan perahu secara perlahan-lahan.



Keretapi Gantung di Wuppertal, Jerman

Nama penuhnya ialah Pemasangan Landasan Bertingkat Elektrik, Sistem Eugen Langer. Ia dianggap sebagai landasan kereta api bertingkat elektrik tertua dengan gerabak gantung di dunia!




Cyclo, Vietnam

Cyclo ialah teksi basikal roda tiga yang muncul di Vietnam semasa Zaman penjajahan Perancis.



Sumber-sumber:
<https://travel.earth/most-unusual-modes-of-transport/>
<https://livinglocal.triip.me/30-unique-types-of-transport-around-the-world/>



Cari perbezaan

Bolehkah adik-adik cari 20 perbezaan di dalam lukisan ini?

Hantarkan jawapan adik-adik berserta nama, nombor pasport Smålish, umur, alamat serta butiran hubungan adik-adik ke sara@smales.com.my atau **smales, No.2, Jalan PJU 7/2, Mutiara Damansara, 47800 Petaling Jaya, Selangor**, selewat-lewatnya pada **30 Julai 2021**. 30 pemenang bertuah setiap seorang akan memenangi satu **penyokong tablet ISBERGET**.



Ke mana
perginya
kereta lama?

Masalah dengan Kereta buruk

Kereta lama merupakan penyumbang besar di kawasan lambakan pelupusan sampah. Ia mengambil masa sehingga 1,000 tahun untuk menguraikan kereta dan proses penguraian itu sendiri juga mencemarkan tanah dengan reput, karat, cecair sintetik, dan toksin lain.

Sumber: <https://ecofriend.org/inside-the-car-recycling-process-what-happens-to-old-cars/>

Kebaikan Kitar Semula

Kereta harus dikitar semula kerana 90 peratus daripada bahagian kenderaan boleh dikitar semula.

Logam boleh dibersihkan dan digunakan semula, getah boleh dikitar semula, gelas dan plastik boleh dicairkan dan dibentuk semula, dan malah cecair boleh dineutralkan atau digunakan semula.

Pengitaran semula dapat menjimatkan sumber yang tidak boleh diperbaharui di dunia. Melalui proses kitar semula kereta yang betul, kita dapat menjimatkan:

90%

dalam bahan mentah

75%

dalam tenaga

85%

dalam pencemaran udara

76%

dalam pencemaran air


40%

dalam penggunaan air

97%

dalam sisa perlombongan

Masa depan Pengangkutan



Hyperloop

Adakah adik-adik pernah mendengar tentang hyperloop? Ini ialah jenis teknologi yang sangat baharu dan menarik! Konsepnya ialah jika adik-adik mempunyai tiub dan melepaskan semua udara, maka apa sahaja yang melalui tiub boleh meluncur lebih pantas kerana tidak akan ada rintangan udara yang melambatkannya. Sebagai contoh, kereta api hyperloop boleh membawa penumpang pada lebih daripada 1000 km/jam, bermaksud adik-adik boleh melintasi seluruh Eropah hanya dalam beberapa jam! Hyperloop akan lebih mesra alam berbanding dengan banyak pengangkutan semasa. Sebilangan besar rancangan pembinaan hyperloop untuk mengendalikan sistem tersebut menggunakan tenaga suria.

Sumber-sumber:
<https://yourstory.com/mystory/six-future-transportation-technologies-future>
<https://kids.kiddle.co/>
https://xedknowledge.com/Coverstory_Demo.aspx?id=g8gQXxkYQbroVNrDQ2MnGA%3D%3D
https://www.esa.int/kids/en/learn/Technology/Useful_space/SA_helps_students_to_test_hyperloop_technology
<https://www.npr.org/transcripts/536883330>



Teksi Terbang

Bolehkah adik-adik bayangkan teksi terbang berterbangan di merata-rata tempat? Impian untuk teksi terbang akan menjadi kenyataan! Teksi terbang kelihatan seperti telur terbang dan ia tidak mempunyai juruterbang. Teksi terbang kecil tahu ke mana tempat yang dituju dengan menggunakan teknologi yang sangat canggih di dalamnya. Terdapat komputer yang disambungkan ke satelit yang terapung di angkasa. Dan satelit ini boleh hantar isyarat ke teksi terbang untuk memberitahunya dengan tepat ke mana hendak dituju. Teksi terbang mungkin akan dapat menurunkan adik-adik jauh tinggi di atas seperti di tingkat atas bangunan. Contoh teksi terbang ialah Volocopter, sebuah pesawat autonomi dengan kuasa elektrik di Dubai.


Kereta pandu sendiri

Kereta pandu sendiri (juga dipanggil kereta autonomi atau kereta tanpa pemandu) ialah kenderaan yang boleh bergerak tanpa pemandunya yang sentiasa perlu mengawal pergerakan kereta. Kereta ini menggunakan sensor untuk memahami apa yang ada di sekelilingnya dan tidak memerlukan pertolongan manusia. Adik-adik akan mempunyai masa untuk melakukan hampir apa sahaja semasa berada di atas jalan raya seperti makan, membaca, bermain permainan atau tidur di belakang stereng. Itu idea yang bagus, bukan?





Pencemaran Udara



Ozon baik

Ozon buruk

Apakah pencemaran udara?

Pencemaran udara berlaku apabila zarah pepejal dan cecair disebut **aerosol** dan gas tertentu meresap ke dalam udara kita. Zarah dan gas ini boleh membahayakan planet dan kesihatan kita.


Dari mana asalnya aerosol?

Zarah-zarah ini berasal daripada banyak sumber, termasuk ekzos kereta, kilang dan juga kebakaran liar. Sesetengah zarah dan gas berasal terus dari sumber ini, tetapi yang lain terbentuk melalui tindak balas kimia di udara.

Aerosol juga berasal dari tempat lain, seperti abu dari gunung berapi yang meletus. Debu, debunga dari tumbuh-tumbuhan dan spora kulupak juga merupakan contoh aerosol.

Apa lagi yang menyebabkan pencemaran udara?

Gas tertentu di atmosfera boleh menyebabkan pencemaran udara. Sebagai contoh di bandar, gas yang disebut **ozon** ialah penyebab utama pencemaran udara.



Perkara yang boleh adik-adik lakukan demi udara yang kita hirup

Berikut adalah beberapa perkara yang boleh adik lakukan setiap hari untuk udara yang kita hirup:

Berjalan atau menunggang basikal adik-adik ke sekolah

Jangan minta dipandu ke tempat-tempat jika tidak benar-benar perlu. Sekiranya adik-adik ingin pergi ke tempat yang berdekatan, cuba berjalan atau menunggang basikal adik-adik. Pelawa ibu bapa adik-adik agar boleh beriadah bersama-sama! Semakin kurang kenderaan di jalan raya, bertambah baik udara yang kita hirup.



Tutup lampu

Penjanaan elektrik menyumbang kepada asbut, jadi ingatlah untuk mematikan lampu ketika adik-adik keluar meninggalkan bilik.



Galakkan keluarga adik-adik untuk memandu secara bersih

Bantu mengatur kongsi kereta untuk ke dan dari aktiviti sukan dan acara lain.

Minta ibu bapa adik-adik mematikan enjin bukannya melahu sementara menunggu.



Elakkan penyembur kimia dan pembersih

Penyembur rambut dan pepijat, penyegar udara dan juga penanggal cat kuku mengandungi bahan kimia yang meningkatkan pencemaran udara.

Minta ahli keluarga adik-adik menggunakan lebih banyak produk bukan aerosol seperti penghalau serangga dan penyegar udara berasaskan tumbuhan.




PETIMASUK @ SMALES

Lukisan terbaik



Sophia Rose Sharpe, 7 tahun

Lukisan terbaik



Khoo Chong Hong, 7 tahun

Tema keluaran lepas:

Sara dan Bugbug berenang di pantai sambil menikmati matahari terbenam yang indah. Lukiskan pemandangan matahari terbenam adik-adik yang paling kreatif dan yang tidak dapat dibayangkan. Matahari terbenam yang tidak sesiapa pun pernah melihatnya sebelum ini.

Sara dan Bugbug ke bandar untuk membeli barangan dapur.

Lukiskan kenderaan paling kreatif yang adik-adik fikir mereka akan naiki.

Sertakan nama, umur, nombor pasport Smålish dan alamat adik-adik, dan hantarkan surat adik-adik ke sara@smales.com.my atau **smales, No.2, Jalan PJU 7/2, Mutiara Damansara, 47800 Petaling Jaya, Selangor**, selewat-lewatnya pada **30 Julai 2021**.

2 pemenang bertuah masing-masing akan memenangi **set sayuran 14 unit DUKTIG**.

Surat terbaik

Hi, I'm Roza! I grew up in Kuala Lumpur, the Capital of Malaysia. It is a fascinating city with many restaurants, shopping malls, parks and places of interest. The KL Tower and the KLCC Twin Towers are icons of Malaysia that one must visit.

With the Genting Highlands about an hour's drive from Kuala Lumpur, we can experience a cooler environment and also an exciting theme park for children. The Cameron Highlands is my favourite place for a holiday. I like the strawberries picking part of the trip. I like the Fraser's Hill too. These are places with beautiful mountain scenery and surrounded with lovely nature. You will be amazed with number of butterflies and birds around you.

I don't know much about Malaysian history, but my mom tells me that Melaka and Penang are the historical places to visit. She has taken me there. I love Jonker Street in Melaka, where lots of local products are available for enjoyment, especially the Nyonya food. I like the 'cendol' with 'Gula Melaka'. As for Penang, my favourite place is Penang Hill. I like the tram ride up the hill. Some parts of the ride looked quite scary as it is very steep.

Malaysia is also a country surrounded by sea with beautiful beaches and islands. Langkawi and East Coast Islands are among some attractions that I like. I would like to recommend that you take a trip to my favourite spot, Pulau Langkawi, where you can spend hours on the beautiful beaches. Another thing to do is to experience the ride on cable car up Gunung Mat Cincang and Sky Bridge walk. A special treat of fried ice cream is a must in Pantai Cenang after a swim in the sea! Langkawi here I come!

Roza Chin, 7 tahun

Surat terbaik

Hej Sara and Bugbug,

How are you? Hope you are doing well. My name is Teh Sher You and I am six years old. I like the most about Malaysia because Malaysia has a variety food and many interesting places to visit. My favorite foods are "ham chim peng"(Chinese Deep Fried Doughnut) and "claypot rice". My favorite places are Kek Lok Si Temple and Penang Hill in Penang.

I would highly recommend you visit these two places when you are in Malaysia. Kek Lok Si Temple is the famous places to visit in Penang. Both of you can take a stroll up the seven-storey pagoda building and enjoy the beautiful view from the top. Then, both of you can take the funicular train up to Penang Hill. Feel the cool breeze and enjoy the great view of the city, especially in the evening. Both of you can also buy local coffee and treats as souvenir at the Coffee Tree.

It's fun and interesting to visit Kek Lok Si Temple and Penang Hill. Both of you can also take photos there. I hope both of you will be there soon. Have fun! Bye for now!

Teh Sher Yu, 5 tahun

Tema keluaran lepas:

Selain berenang dan menikmati percutian musim panas. Sara dan Bugbug bosan kerana mereka ingin membaca sesuatu yang menarik. Tulis surat kepada Sara dan Bugbug tentang perkara yang paling adik-adik sukai tentang Malaysia dan tempat kegemaran adik-adik untuk dikunjungi.

Sara dan Bugbug mengambil keputusan untuk mengambil keretapi malam ke kota raya lain semasa percutian mereka. Sepanjang perjalanan itu mereka berkenalan dengan seorang kawan baharu! Gambarkan pengalaman mereka di atas kereta api dengan kawan baharu mereka.

Sertakan nama, umur, nombor pasport Smålish dan alamat adik-adik, dan hantarkan surat adik-adik ke sara@smales.com.my atau **smales, No.2, Jalan PJU 7/2, Mutiara Damansara, 47800 Petaling Jaya, Selangor**, selewat-lewatnya pada **30 Julai 2021**.

2 pemenang bertuah masing-masing akan memenangi **kotak cat air MALA**.



Kenderaan seterusnya?

